



**Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 1, 2 & 4 -13, Blok F1, Kompleks F,
No.2, Lebuhraya Perdana Timur A, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62000 Putrajaya, Malaysia.**

Manual Pengguna Sistem Semakan Online

**Disediakan Oleh:
Bahagian Digital Dan Informatik**

SEMAKAN PENJADUALAN DAN KEPUTUSAN

1. Layari Portal Rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia melalui URL <https://www.spa.gov.my> dan pada ruangan **Portal**, klik pada **Semakan Penjadualan dan Keputusan**.



2. Seterusnya klik pada pilihan senarai **Menu** di bawah.



3. **Senarai Penjadualan Temu Duga** akan dipaparkan. Sila pilih jawatan yang berkaitan untuk semakan.



Portal Rasmi
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

UTAMA | PENGENALAN | PANDUAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI | PAUTAN PANTAS

Utama / Semakan Penjadualan & Keputusan / Senarai Penjadualan Temu Duga

Senarai Penjadualan Temu Duga

- ▶ PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q29
(KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)
(Temu Duga)
[Tarikh Temu Duga: 15 - 19 Jul 2024]
- ▶ **JURURAWAT GRED U29**
(KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)
(Temu Duga)
[Tarikh Temu Duga: 15 - 18 Jul 2024]
- ▶ PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP19
(KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP)
(Temu Duga)
[Tarikh Temu Duga: 30 Jun 2024 - 5 Julai 2024]
- ▶ PENGUASA KASTAM GRED WK41
(JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA)
(Temu Duga)
[Tarikh Temu Duga: 9 - 19 Julai 2024]
- ▶ PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA GRED KP29
(KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP)
(Temu Duga)
[Tarikh Temu Duga: 24 Jun 2024 - 4 Julai 2024]
- ▶ PEGAWAI PENGUATKUASA GRED KP41
(KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP)
(Temu Duga)
[Tarikh Temu Duga: 25 Jun 2024 - 5 Julai 2024]

CONTOH :
Klik pada pautan
JURURAWAT GRED U29

4. Setelah pautan tersebut di klik, paparan **Semakan Jadual Temu Duga** akan dipaparkan. Sila masukan **No. Kad Pengenalan** dan seterusnya klik butang **Hantar**.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Manual Pengguna cetak

SEMAKAN JADUAL TEMU DUGA

JURURAWAT GRED U29
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

No Kad Pengenalan

Sila Isikan No. Kad Pengenalan Anda
(Contoh : 731211105455 atau A2345567)

HANTAR

© Hakcipta Terpelihara © 2019 SPA

Masukan **Nombor Kad Pengenalan**
dan klik butang **Hantar**

5. Sekiranya **No. Kad Pengenalan** yang dimasukkan **ADA** dalam urusan tersebut, halaman seperti berikut akan dipaparkan.

SEMAKAN JADUAL TEMU DUGA

JURURAWAT GRED U29
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Sila Isikan No. Kad Pengenalan Anda
(Contoh : 73121105455 atau A2345567)

HANTAR



Nama : :XXXXXXXXXXXXX
No. KP : XXXXXXXXXXXXXXXX

Tuan/Puan,

PANGGILAN TEMU DUGA PENGAMBILAN JAWATAN JURURAWAT GRED U29 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan dengan ini dijemput menghadiri temu duga bagi jawatan tersebut pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

JAWATAN	JURURAWAT GRED U29
TARAF PELANTIKAN	I) CALON LANTIKAN BAHARU ADALAH SECARA PELANTIKAN KONTRAK (INTERIM) SELAMA 3 TAHUN; DAN II) PEGAWAI LANTIKAN TETAP YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN ADALAH SECARA PELANTIKAN TETAP.
TARIKH TEMU DUGA	16 Julai 2024
MASA TEMU DUGA	8:00 Pagi
TEMPAT TEMU DUGA	KUALA TERENGGANU, TERENGGANU, NO. 25, 26, 27 DAN 28 TINGKAT 1, BANGUNAN PERNIAGAAN PAYA KELADI TERENGGANU

3. Tuan/Puan dikehendaki membawa resume bergambar yang ringkas dan padat bersama-sama dokumen ASAL dan SALINAN FOTOSTAT (setiap muka surat, depan dan belakang) yang disusun mengikut turutan semasa menghadiri temu duga seperti berikut:

- resume bergambar;
- MyKad/ Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran calon;
- sijil SPM/ SPM(V)/ SVM/ SKM (BUKAN SLIP PEPERIKSAAN);
- skrol dan transkrip akademik bagi pemegang Sijil/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan. Calon adalah diwajibkan untuk menyediakan terjemahan skrol dan transkrip dalam Bahasa Melayu/ Inggeris bagi yang menggunakan bahasa lain (jika berkenaan);
- Salinan pengiktirafan kelayakan akademik daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk lantikan ke perkhidmatan awam. Semakan boleh dilakukan di pautan <https://www2.mqa.gov.my/esisarafi> (Sijil/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda/Sarjana/ Doktor Falsafah (jika berkaitan). Sekiranya kelayakan dalam negara yang dicari tidak ditemui, mohon rujuk kepada Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) untuk carian lanjut di pautan <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>;
- Surat Pengesahan Senat/ Jawatankuasa berkaitan dan juga mini transkrip akademik (jika berkaitan) bagi calon yang belum memperolehi skrol Sijil/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah;
- Surat Pengkalan Nama (RON) atau Sijil Pengamatan Tahunan (APC) yang masih sah pada tahun semasa yang dikeluarkan oleh Lembaga Jururawat Malaysia;
- sijil-sijil lain yang berkaitan dengan jawatan seperti Sijil Pendaftaran Penuh dengan Lembaga Ikhtisas (jika berkenaan);
- sijil kegiatan luar;
- bagi Pegawai Sedang Berkhidmat (lantikan tetap) yang telah disahkan dalam Perkhidmatan Awam:
 - Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan dan Surat Pengesahan Ketua Jabatan (di pautan [Pegawai Sedang Berkhidmat/PSL](#));
 - Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini. Dokumen LNPT hendaklah dilakiri oleh Jabatan / Kementerian sebelum dibawa oleh calon ke pusat temu duga.
- bagi calon bekas tentera:
 - salinan Pengakuan Perkhidmatan Anggota (BAT D 86/D 92A/D 92B/D 92C);
 - Kad Veteran ATM/Kad Bekas Tentera/surat pengesahan status berpencen; dan
 - Kenyataan Perkhidmatan (BAT D 132/KEW 14) yang disahkan oleh Jabatan Arah Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2011
- bagi calon bekas polis:
 - Salinan Pengakuan Perkhidmatan Anggota Polis atau dokumen pengesahan telah ditamat atau menamatkan perkhidmatan dengan baik selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 2001.

4. Resume dan salinan fotostat dokumen yang diserahkan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak milik Suruhanjaya. Tuan/Puan dikehendaki untuk mencetak dan membawa senarai semak temu duga seperti di lampiran [Senarai Semak Calon Temu Duga Jawatan Gred U29](#).


5. Tindakan tuan/puan mengemukakan maklumat palsu atau gagal mematuhi perkara 1 dan 2 di atas serta Prosedur Operasi Standard seperti di [LAMPIRAN A](#) boleh menjejaskan pertimbangan Suruhanjaya untuk tujuan lantikan.

6. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung urusan temu duga ini, tuan/puan boleh berhubung dengan pegawai bertugas seperti berikut:

6. **Cetak** Maklumat Penjadualan Temu Duga tersebut untuk dibawa semasa temu duga.



7. Sekiranya **No. Kad Pengenalan** yang dimasukkan **TIADA** dalam urusan tersebut, halaman seperti berikut akan dipaparkan.



*Catatan:-

Manual ini terpakai kepada semua senarai menu urusan semakan Penjadualan dan Keputusan.